

KEMPEN Pulangan Terjamin, Setiap Hari

TERMA & SYARAT

Kempen “**Pulangan Terjamin, Setiap Hari**” [“Kempen”] dianjurkan oleh Lotuss Stores (Malaysia) Sdn Bhd (No. Syarikat: 200001018812 (5291419-K)) (“Lotus’s”) (“Penganjur”) dengan kolaborasi Payments Network Malaysia Sdn Bhd (“PayNet”) (Company No.:200801035403 (836743-D)).

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu yang:
 - o Melakukan transaksi dengan perbelanjaan minimum RM100 dalam satu resit menggunakan kad MyDebit atau pembayaran DuitNow QR di mana-mana cawangan Lotus’s di seluruh negara sepanjang Tempoh Kempen (“Peserta”).

Tempoh Kempen

2. Kempen akan bermula dari **26 Februari 2026, jam 8.00 pagi hingga 10 Jun 2026, jam 11:59 malam (Waktu Malaysia)**. (“Tempoh Kempen”). Sebarang penyertaan yang diterima selepas Tempoh Kempen akan ditolak dan dianggap tidak sah.
3. Hanya transaksi yang dilakukan di cawangan fizikal Lotus’s di seluruh negara layak untuk Kempen A, manakala transaksi yang dilakukan di cawangan fizikal Lotus’s di seluruh negara dan melalui bayaran semasa penghantaran untuk Lotus’s Shop Online (LSO) layak untuk Kempen B.
4. Sekiranya atas apa jua sebab (termasuk tetapi tidak terhad kepada) Kempen ini tidak dapat berjalan seperti yang dirancang, contohnya disebabkan oleh virus komputer, pencerobohan (hacking), campur tangan tanpa kebenaran, penipuan, kegagalan teknikal, sebarang tindakan kerajaan termasuk tetapi tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan, atau apa-apa sebab lain di luar kawalan Penganjur, Penganjur berhak, atas budi bicaranya sendiri, untuk menamatkan, menangguhkan, mengubah suai, melanjutkan atau menggantung Kempen tersebut.

Mekanik Kempen

5. Untuk menyertai Kempen, Peserta mesti:
 - Kempen A: Peserta mestilah membuat pembelian minima RM100 dalam satu (1) resit menggunakan kad MyDebit atau pembayaran DuitNow QR di mana-mana cawangan fizikal Lotus’s di seluruh negara sepanjang Tempoh Kempen. Sebarang penyertaan melalui pembelian yang dibuat melalui Lotus’s Shop Online (LSO) adalah tidak sah dan tidak akan diterima.
 - o Maksimum sepuluh (10) penyertaan bagi setiap nombor telefon adalah dibenarkan sepanjang Tempoh Kempen.

- Kempen B: Peserta mestilah berdaftar secara sah sebagai Ahli My Lotus's dan membuat sekurang-kurangnya dua (2) transaksi pembelian bernilai RM100 dengan berjaya dalam tempoh seminggu menggunakan kad MyDebit atau pembayaran DuitNow QR di Cawangan Fizikal Lotus's atau Bayaran semasa penghantaran untuk Lotus's Shop Online sepanjang Tempoh Kempen.
 - Bagi tujuan Kempen B, minggu kempen hendaklah ditakrifkan sebagai hari Khamis hingga Rabu (termasuk kedua-dua hari tersebut).
6. Peserta mestilah menghantar resit pembelian menggunakan SALAH SATU daripada kaedah berikut:
- Imbas Kod QR yang disediakan pada mana-mana paparan visual kempen; atau
 - Klik pada ikon kempen di dalam Aplikasi My Lotus's.
 - Peserta dikehendaki memberikan nama penuh, umur dan jantina, serta menjawab dengan betul satu soalan berkaitan kempen sebagai sebahagian daripada proses penyertaan. Hanya penyertaan dengan jawapan yang betul akan dianggap sah dan layak untuk menerima ganjaran di bawah Kempen ini.
 - Untuk memastikan penyertaan dianggap sah, Peserta hendaklah menghantar penyertaan dengan gambar resit yang jelas serta memastikan 'MyDebit' atau 'DuitNow QR' tertera pada resit tersebut, seperti contoh resit yang ditunjukkan di bawah:



7. Pembayaran eWallet bagi transaksi yang dibuat melalui kaunter layan diri tidak akan dikenali sebagai pembayaran DuitNow QR dalam sistem Lotus's dan sebaliknya akan memaparkan eWallet masing-masing pada resit (contohnya, tetapi tidak terhad kepada Tng, TrueMoney, GrabPay, Boost, Alipay dan lain-lain). Oleh itu, resit tersebut tidak akan diterima sebagai penyertaan yang layak.
8. Untuk Kempen A, penyertaan yang dibuat melalui Lotus's Shop Online (LSO) adalah tidak sah dan tidak akan diterima sebagai penyertaan yang layak. Hanya pembelian yang dibuat di cawangan fizikal Lotus's di seluruh negara akan diiktiraf.
9. Untuk Kempen B, tiada penghantaran atau kemasukan manual diperlukan. Pengeluaran kupon akan dilakukan secara automatik melalui aplikasi MyLotus's pada setiap hari Jumaat bagi Ahli MyLotus's yang layak, yang telah melengkapkan sekurang-kurangnya dua (2) transaksi yang memenuhi syarat menggunakan kad MyDebit atau DuitNow QR dalam minggu kempen yang sama (Khamis hingga Rabu), sama ada di dalam stor di cawangan fizikal Lotus's di seluruh negara dan/atau Bayaran semasa penghantaran untuk melalui Lotus's Shop Online (LSO).
10. Untuk Kempen A, setiap nombor telefon yang digunakan untuk pendaftaran penyertaan adalah terhad kepada maksimum sepuluh (10) penghantaran resit sepanjang Tempoh Kempen. Sebarang penyertaan tambahan yang melebihi had ini tidak akan diproses dan akan dianggap terbatal.
11. Untuk Kempen B, Ahli My Lotus's yang layak boleh menerima kupon yang berkaitan sekali bagi setiap minggu kempen, dengan syarat mereka terus melengkapkan sekurang-kurangnya dua (2) transaksi yang memenuhi syarat dalam setiap minggu kempen.
12. Semua pembayaran yang dibuat melalui Komunikasi Medan Dekat (NFC) di mana-mana cawangan Lotus's di seluruh negara sepanjang Tempoh Kempen tidak akan diterima sebagai penyertaan yang layak (contohnya: Apple Pay, Samsung Pay, Google Pay, Huawei Pay).
13. Penganjur, mengikut budi bicaranya sendiri, boleh membuang dan/atau membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan jika didapati atau disyaki menipu/menggodam/mengubah proses penyerahan Kempen, pengendalian Kempen ini atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Kempen.

Hadiah

14. Jumlah nilai hadiah yang ditawarkan dalam bentuk e-Baucar Lotus's adalah sehingga RM278,400 sepanjang Tempoh Kempen.
15. Untuk Kempen A: e-Baucar bernilai RM10 akan diberikan kepada pemenang bagi setiap penyertaan yang berjaya.



16. Untuk Kempen B: Ahli My Lotus's yang layak dan memenuhi kriteria Kempen B akan menerima **kupon produk** yang dikeluarkan melalui aplikasi My Lotus's. Nilai dan/atau denominasi kupon akan ditentukan oleh Penganjur dan mungkin berbeza-beza sepanjang Tempoh Kempen. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Penganjur boleh mengeluarkan kupon produk dengan nilai **RM3.00** tertakluk kepada keputusan muktamad Penganjur.
17. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai (jika berkenaan). Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai setara mengikut budi bicara mutlakny.
18. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, agensi-agensinya, ahli gabungan, penaja dan wakil-wakilnya tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecacatan atau penyalahgunaan hadiah, atau untuk sebarang tuntutan, liabiliti, kerugian atau ganti rugi yang timbul daripada Kempen ini.
19. Imej hadiah yang ditunjukkan dalam mana-mana bahan promosi, iklan, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan hadiah sebenar.
20. Hadiah adalah tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkenaan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab untuk semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan pada butiran hadiah atau sebarang keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah Penganjur dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.

Terma & Syarat e-Baucar RM10

21. e-Baucar Lotus's boleh digunakan sebagai nilai setara tunai untuk pembelian di mana-mana cawangan Lotus's.
22. e-Baucar ini tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus (iaitu tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau baucar baharu).

23. Sekiranya nilai pembelian adalah kurang daripada nilai e-Baucar, tiada baki atau kredit penggantian akan diberikan.
24. e-Baucar boleh digunakan bersama dengan kaedah pembayaran sah yang lain seperti tunai (mata wang sah), kad kredit, kad debit, atau e-Dompet (eWallets).
25. e-Baucar hanya sah sehingga tarikh luput yang dinyatakan.
26. Tiada pelanjutan atau pembaharuan akan diberikan untuk e-Baucar tersebut.
27. Setiap e-Baucar hanya sah untuk satu (1) transaksi penebusan sahaja dan tidak boleh digunakan semula.
28. Semua e-Baucar tidak sah untuk digunakan di Medan Selera (Food Courts) atau mana-mana premis yang tidak dikendalikan secara langsung oleh Lotus's Malaysia.
29. Lotus's Stores (Malaysia) Sdn Bhd berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk meminda, menukar atau menambah mana-mana terma dan syarat e-Baucar tanpa notis awal kepada Peserta.

Terma & Syarat Kupon Produk

30. Senarai kategori kupon produk yang layak: Susu UHT & Susu Segar, Minuman Milo, Mi Segera, Aiskrim, Telur, Cecair Pencuci Pinggan, Biskut & Keropok, serta Sos Cili & Sos Tomato.
31. e-kupon (atau e-baucar) My Lotus's hanya sah untuk satu (1) kali penebusan sahaja.
32. e-kupon My Lotus's mestilah digunakan dalam tempoh sah yang dinyatakan di dalam aplikasi mudah alih Lotus's. Sebaik sahaja ditebus atau tamat tempoh, e-kupon My Lotus's tidak boleh digunakan semula, dilanjutkan tempohnya, atau dikeluarkan semula.
33. e-kupon My Lotus's tidak boleh ditukar dengan wang tunai, tidak boleh dipindah milik, dan tidak boleh dikembalikan wang.
34. Jumlah nilai pembelian dalam satu transaksi mestilah lebih tinggi daripada nilai e-kupon My Lotus's. Jika nilai pembelian melebihi nilai e-kupon, pelanggan hendaklah membayar baki perbezaannya. e-kupon My Lotus's tidak boleh digunakan sekiranya nilai pembelian adalah lebih rendah daripada nilai kupon tersebut.
35. Mata ganjaran My Lotus's tidak akan diberikan untuk sebarang transaksi yang dibayar menggunakan e-kupon My Lotus's atau mana-mana kupon lain.
36. e-kupon My Lotus's boleh digunakan bersama tunai (mata wang sah), kad kredit, atau kad debit, tetapi tidak sah untuk pembelian baucar hadiah, transaksi tambah nilai, pembelian di medan selera Lotus's, atau di cawangan yang tidak dikendalikan oleh Lotus's Malaysia.

37. e-kupon yang ditiru, diubah, rosak, atau cacat tidak akan diterima atau diganti.
38. Terma dan syarat tambahan boleh didapati di bahagian “Butiran” (Details) pada setiap e-kupon My Lotus’s yang berkaitan. Lotus’s Malaysia berhak untuk meminda terma dan syarat ini tanpa sebarang notis awal.

Hak Penganjur

39. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta memberikan hak kepada Penganjur untuk menggunakan sebarang foto dan/atau bahan lain yang diterima semasa Kempen (termasuk nama Peserta, alamat e-mel, nombor telefon, foto, dsb.) untuk tujuan Kempen dan pengiklanan, pemasaran dan tujuan komunikasi oleh Penganjur tanpa pampasan kepada Peserta, waris atau penerima serahannya, atau mana-mana entiti lain.
40. Penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat Kempen pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa notis terlebih dahulu.
41. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, sebarang perintah atau peraturan lain Kempen seperti yang dinyatakan di <https://corp.lotuss.com.my/for-you/campaigns/mydebit-pulangan-terjamin> juga akan mengikat semua Peserta dalam penyertaan mereka dalam Kempen ini.
42. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan sebarang terma yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi untuk Kempen ini, terma yang terkandung di <https://corp.lotuss.com.my/for-you/campaigns/mydebit-pulangan-terjamin> akan diguna pakai.
43. Jika terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan versi bahasa Melayu, versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.
44. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain, yuran dan/atau sebarang jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berhubung dengan Kempen ini (sama ada untuk tujuan menyertai, mengambil bahagian atau menerima sebarang faedah atau hadiah daripada Kempen) adalah tanggungjawab Peserta/pemenang sepenuhnya. Penganjur, sekutunya atau ejen yang diberi kuasa tidak akan bertanggungjawab apa-apa pun ke atas kos/caj/yuran/perbelanjaan tersebut.
45. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur, sekutunya atau pihak ketiga yang diberi kuasa tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara untuk sebarang penyertaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada hilang, rosak, tertanggung atau sebarang ralat teknikal.
46. Penganjur ingin mengingatkan Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah apabila menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan/atau selepas Kempen. Penganjur juga ingin

menasihati Peserta kami yang dihargai untuk menghubungi Penganjur untuk pengesahan mengenai Kempen.

Liabiliti dan Tanggungjawab

47. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Peserta dan pemenang akan menanggung liabiliti dan tanggungjawab penuh yang disebabkan kecuaiian atau keingkaran yang disengajakan kerana penyertaan mereka dalam Kempen ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan hadiah, Peserta dan pemenang bersetuju untuk melepaskan Penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan apa pun daripada liabiliti tersebut.
48. Setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, dalam apa jua keadaan Penganjur atau mana-mana pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk, mana-mana agensi pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul akibat kecuaiian atau keingkaran yang disengajakan oleh Peserta berhubung dengan Kempen ini.
49. Pemenang hendaklah bertanggungjawab mematuhi semua perundangan atau peraturan dan untuk pembayaran semua cukai yang Pemenang harus penuhi termasuklah semua implikasi percukaian Hadiah Kempen serta mengambil semua nasihat percukaian yang sesuai. Jika hadiah digunakan sebagai Manfaat Berupa Barangan, liabiliti cukai peribadi mungkin perlu dibayar oleh Pemenang. Lotus's tidak akan bertanggungjawab untuk menanggung sebarang caj cukai yang dikenakan ke atas Hadiah yang dimenangi Pemenang.
50. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi semua Terma & Syarat Kempen ini dan semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur.
51. Terma dan Syarat ini dikawal oleh undang-undang Malaysia dan di bawah bidang kuasa mahkamah Malaysia.

Notis Privasi

52. Dengan menyertai Kempen, Peserta memberikan persetujuan mereka dan membenarkan Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, Nombor Pengenalan (IC) yang di '*masked*' dan butiran peribadi lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Kempen, termasuk tetapi tidak terhad kepada mengumumkan dan menerbitkan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman web Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
53. Dengan menyertai Kempen, Peserta juga memberikan persetujuan mereka dan membenarkan Penganjur menggunakan perkhidmatan pihak ketiga untuk memproses

Data Peribadi Peserta. Semua pihak ketiga tersebut diwajibkan secara kontrak, untuk tidak menggunakan Data Peribadi Peserta dengan cara selain daripada yang dinyatakan di sini.

54. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:

- Hak untuk menarik balik persetujuan untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di butiran hubungan yang dinyatakan di bawah dengan memberikan Penganjur nama dan alamat e-mel Peserta untuk pengalihan Data Peribadi tersebut;
- Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dipegang oleh Penganjur; dan
- Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
- Peserta boleh merujuk ke laman web Penganjur di <https://corp.lotuss.com.my/for-you/campaigns/mydebit-pulangan-terjamin> atau e-mel rakan pengurusan Kempen Lotus's, khidmat pelanggan J&C di support@jcpacific.com.my atau WhatsApp di 011-6974 3949 dari Isnin hingga Ahad, 8:00 pagi – 10:00 malam. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan keselamatan Data Peribadi Peserta dan akan mewajibkan pemproses pihak ketiga untuk menguruskan kempen ini. Walau bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.

55. Sebarang perkara berkaitan Data Peribadi yang berkaitan dengan Kempen ini hendaklah dikawal oleh dan ditangani dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan mana-mana undang-undang lain yang berkaitan di Malaysia.